

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche  
Hussein Onn dalam Upacara Merasmikan  
Pameran Penjelajahan (Travelling)  
UNESCO pada 11hb. Jun, 1971 jam 5.30  
petang di-Balai Seni Lukis Negara,  
Kuala Lumpur.

Saya ucapkan satinggi2 terima kasih kepada Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara kerana memberi penghormatan menjemput saya merasmikan pembukaan Pameran Penjelajahan dari UNESCO bertajok "Lukisan dari 1900 hingga 1925" pada petang ini.

Sudahlah kena pada masa-nya Pameran ini di-adakan oleh kerana pada masa ini di-Kuala Lumpur, sebagaimana yang tuan2 tahu Pengarah Agong UNESCO, Mr. Rene Maheu serta beberapa orang pegawai UNESCO dari Ibu Pejabat-nya di-Paris berada di-sini melawat dan membinchang perojek2 UNESCO yang akan di-jalankan di-Malaysia.

Dengan persetujuan Pengarah Agong UNESCO, Mr. Rene Maheu, saya harap bahawa pameran seperti ini akan di-ikuti lagi dengan pameran2 lukisan yang telah di-sediakan oleh UNESCO yang pada masa ini sedang di-pamerkan di-negeri lain.

Tujuan UNESCO yang penting adalah untuk memajukan dan melakukan kebajikan kepada penduduk2 di-dunia ini melalui kerjasama di-antara negeri yang menjadi ahli UNESCO dalam bidang pelajaran, sains dan kebudayaan. Pameran lukisan seperti yang di-adakan hari ini adalah salah satu daripada kegiatan2 yang di-laksanakan oleh negeri2 yang menjadi ahli untuk menchapai chita2 yang di-sebutkan di-atas tadi. Lukisan2 yang di-pamerkan di-sini akan juga di-pamerkan di-Pulau Pinang tidak lama lagi. Ini akan memberi peluang kepada ramai lagi orang menyaksikan karya2 dari pelukis2 barat yang terkenal dan mashor.

Mengambil kesempatan ini, selaku Pengerusi Surohanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara kerana usaha-nya mengelolakan Pameran ini. Kerjasama Lembaga ini adalah di-sanjong tinggi.

Saya telah pun di-beritahu bahawa semasa bahan2 pameran ini sampai di-Kuala Lumpur dari Afghanistan, keadaan-nya tidak memuaskan. Banyak di-antara lukisan2 ini telah pun rosak di-dalam perjalanan. Pihak yang berkuasa Balai Seni Lukis Negara telah bersusah payah membaiki karya2 ini hingga-lah menjadi seperti yang kita lihat pada petang ini.

Kerajaan dan Kementerian Pelajaran menaruh minat yang penoh kepada pendidekan dan perkembangan kesenian negara. Sokongan dan bantuan yang di-beri kepada badan2 kesenian, balai2 seni lukis, biasiswa2 kepada pelukis2 adalah bukti betapa berat-nya pandangan kerajaan terhadap kesenian.

Di-sekolah pula, tiap2 murid darjah satu hingga tingkatan tiga menerima latehan seni lukis sebagai satu mata pelajaran yang di-mestikan. Pelajaran seni lukis saya perchaya adalah satu daripada chara2 yang penting bagi membentok warganegara yang berperibadi dan bersemangat Malaysia.

Saterus-nya saya memberi tahniah kepada Balai Seni Lukis Negara kerana mengambil dan memainkan peranan yang penting dalam alam kesenian. Dengan ini, saya dengan sukachita-nya meresmikan pameran penjelajahan dari UNESCO bertajok "Lukisan dari 1900 hingga 1925".



No. Siri .....	38
No Penerimaan .....	38/80